

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : PENCEMARAN SUNGAI KIM KIM

Kementerian nafi lambat bertindak

Rawatan perubatan sudah diberikan sejak hari pertama kejadian

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan menyangkal dakwaan seentengah pihak bahawa mereka lambat bertindak membantu mangsa pencemaran toksik di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, rawatan perubatan sudah diberikan sejak hari pertama kejadian itu berlaku.

"Kementerian bertindak sejak hari pertama lagi. Saya menghubungi Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Johor se-

jak hari pertama dan telah beri rawatan, baik yang serius mahu pun yang ringan.

"Ada yang kami masukkan untuk pemerhatian. Jadi, isu kementerian bertindak lewat memang tidak benar sama sekali," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, semalam.

Dr Dzulkefly juga menolak dakwaan terdapat mangsa yang meninggal dunia akibat pencemaran bahan kimia tersebut.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak berada dalam jarak lingkungan lima kilometer (km) dari Sungai Kim Kim, pada masa ini.

Menurutnya, arahan itu sebagai langkah pencegahan

agar tidak terkesan dengan udara yang dihidu daripada sisa toksik yang mencemari sungai berkenaan.

"Nasihat pencegahan adalah orang ramai menjauhi kawasan khususnya di 5 km (paling bahaya) dari Sungai Kim Kim yang kita kenal pasti. Elak masuk ke kawasan itu

dan dapatkan maklumat terkini dari sumber yang sah dan fasiliti terdekat jika terdapat gejala pedih mata, pening, muntah, sesak nafas sehinggakan pengsan," katanya.



DR DZULKEFLY